



SEMAKIN MEMBANGUN: Bilangan rumah dan pembangunan di Miri semakin bertambah setiap tahun. — Gambar Di Ichikawa Masahiro

Komuniti pupus, mungkinkah berlaku di Sarawak?

Oleh Hamimi Kassim

PADA Februari lalu, Dr Ichikawa Masahiro dari Fakulti Pertanian Universiti Kochi, Jepun mengadakan ceramah bertajuk 'Possible Degradation of Rural Areas due to Depopulation and Aging in Sarawak: Examination based on Similar Observations made in Rural Areas in Kochi, Japan' di Kompleks AZAM, Kuching.

Ceramah tersebut merupakan kesinambungan daripada kajiannya pada tahun 2009 membandingkan keadaan luar bandar di Sarawak pada masa sekarang dengan Miri sebagai tempat kajian kes dengan Ootoyo, Kochi di Jepun.

Menurutnya, degrassi penduduk luar bandar di Jepun wajar dijadikan petunjuk bagi Malaysia agar kejadian sama tidak berlaku di sini.

Perkembangan Sarawak dan Malaysia amnya begitu pesat sama seperti Jepun suatu masa dahulu

kepada 120,000 (2000). Menurutnya, kawasan bandar terus berkembang berikutan industri minyak semakin maju pada tahun 1960-an begitu juga dengan industri balak pada 1980-an.

Disebabkan itu, kawasan perumahan turut bertambah. Kesannya, bilangan penduduk rumah panjang bagi lembangan Rajang dan Baram berkurangan daripada 19 peratus sehingga 70 peratus.

"Selain itu kesannya dapat dilihat melalui aktiviti kehidupan tradisional seperti pertanian pindah, memburu dan mengumpul hasil hutan menjadi tidak aktif.

"Sebahagian daripada amalan budaya masyarakat rumah panjang seperti menjalankan gotong-royong kerana kekurangan penduduk," jelasnya.

Jelas Ichikawa juga, walaupun terdapat penduduk kembali ke kampung untuk melihat keadaan ladang sawit,

namun begitu mereka lebih memilih untuk tinggal di kawasan jalan berbanding di lembangan dan kawasan ulu.

Di Ootoyo Kochi, Jepun, penduduk luar bandar menunjukkan penurunan mendadak daripada 18,000 pada tahun 1960 kepada 4,857 pada tahun 2011 dan semakin menurun setiap tahun.



Kesannya, penduduk warga tua semakin meningkat dan generasi muda semakin



ICHIKAWA



MUNGKIN PUPUS: Bilangan penduduk mengikuti upacara keagamaan semakin berkurangan. — Gambar Di Ichikawa Masahiro



begitu pesat sama seperti Jepun suatu masa dahulu merupakan faktor keadaan di negara itu tidak mustahil akan berlaku di sini.

Menurut Ichikawa, populasi penduduk di Sarawak mempamerkan perubahan ketara di luar bandar dan bandar pada tahun 1980 hingga 2000.

"Pada tahun 1980 hingga 2000, jumlah penduduk berada di luar bandar Sarawak seramai 1 juta dan meningkat sedikit sahaja dalam tempoh tersebut," katanya.

Bagi bahagian Miri dalam tempoh sama, penduduk bandar terus meningkat dari kira-kira 50,000 pada tahun 1980 meningkat kepada 100,000 (1990) dan 170,000 (2000).

Berbanding di luar bandar, jumlah 90,000 orang pada 1980 meningkat kepada 130,000 (1990) dan turun

keadaan ladang sawit,

ICHIKAWA




KAJIAN: Graf populasi Sarawak dan bahagian Miri pada tahun 1980 hingga 2000. — Gambar Di Ichikawa Masahiro



BERUBAH: Graf perubahan populasi dan bilangan orang tua di Otoy, Koshi di Jepun. — Gambar Di Ichikawa Masahiro



TELITI: Proses pembangunan di Miri dikaji dengan teliti oleh Ichikawa. — Gambar Di Ichikawa Masahiro



BERTAMBAH: Bilangan rumah kosong di Miri. — Gambar Di Ichikawa Masahiro



KOSONG: Salah sebuah rumah panjang yang tidak lagi dihuni di Miri. — Gambar Di Ichikawa Masahiro



TINGGAL SEJARAH: Salah sebuah sekolah di Otoy pada tahun 1960-an. — Gambar Di Ichikawa Masahiro



berkurangan.

"Bilangan sekolah rendah di Otoy hanya tinggal tiga buah, berbanding 10 buah pada tahun 2000.

"Pada 1960 hingga 1970, pendapatan meningkat di bandar menyebabkan

generasi muda

mula bermigrasi dari luar bandar ke bandar seperti Tokyo, Nagoya dan Osaka," jelasnya.

Hari ini, katanya, kawasan pertanian di Otoy semakin mengecil yang mana tumbuhan

dan pokok semakin banyak tumbuh dan semakin tidak terurus.

Sama seperti kes di Miri, penduduk Otoy kehilangan teknik dan pengetahuan terutamanya dalam pertanian.

"Isu penduduk berkurangan menyebabkan kawasan pertanian dan hutan tidak diurus dan terbiar.

"Selain itu, upacara seperti keagamaan, perkahwinan dan pengebumian serta pertanian semakin hilang kerana ketiadaan pakar dan orang berpengetahuan hinggakan terdapat beberapa komuniti telah pupus," jelasnya.

Kesan keadaan ini terhadap penduduk luar bandar ialah nilai ekonomi tanah dan sumber

alam menjadi rendah, sawah terbiar dan tiada pengurusan hutan.

Ichikawa memberitahu, melalui perbincangan bersama tetamu yang menghadiri ceramah berkenaan, tugas kerajaan turut diperlukan bagi mengatasi masalah tersebut berlaku di negara ini.

"Walaupun di Jepun sudah menemui jalan buntu, tetapi saya rasa keadaan ini masih dapat dibendung di Malaysia dengan kerjasama semua pihak khususnya kerajaan dan Sarawak perlu mengambil pengajaran daripada kes di Otoy.

"Namun begitu, Sarawak bertuah kerana masih memiliki nilai ekonomi tinggi terhadap tanahnya.

"Pembangunan di bandar tetap berterusan tetapi kepelbagaian biodiversiti yang banyak di sini bermaksud masih banyak sumber alam dapat dimanfaatkan," jelasnya.